

17/05/2000

220 dilantik guru cemerlang setahun

Syuhada Choo Abdullah

IPOH, Selasa - Seramai 100 guru siswazah dan 120 guru lepasan diploma di sekolah seluruh negara akan dikenal pasti untuk kenaikan pangkat menjadi guru cemerlang, setiap tahun.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata pelaksanaan insentif itu adalah antara usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara dan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada guru yang komited terhadap bidang tugas mereka.

Melalui skim guru cemerlang, katanya, guru berprestasi cemerlang dalam menjalankan tugas pengajaran akan dinaikkan pangkat tanpa perlu memegang jawatan naik pangkat, malah boleh terus mengajar di bilik darjah.

"Langkah mewujudkan jawatan guru cemerlang adalah inovasi kementerian untuk memartabatkan kerjaya guru. Ketika ini, kita mempunyai 1,366 guru cemerlang di seluruh negara.

"Walaupun populasi keguruan terbesar dalam perkhidmatan kerajaan, iaitu lebih suku juta orang, sistem ganjaran dari segi peluang kenaikan pangkat agak baik dengan nisbah 1 kepada 7.6 bagi guru lepasan diploma dan 1 kepada 14.4 bagi guru siswazah.

"Selain itu, kerajaan juga bermurah hati melaksanakan skim kenaikan pangkat berasaskan tempoh perkhidmatan kerana menyedari sumbangan bakti guru `veteran' yang sudah lama berkhidmat bawah kategori DG3 dan DGA6.

"Sehingga hari ini, sejumlah 3,550 guru siswazah dan 6,745 guru lepasan diploma sudah mendapat manfaat daripada pelaksanaan skim itu," katanya ketika berucap pada pelancaran perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan 2000 bertemakan Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Dr Mahathir turut menyampaikan hadiah kepada lima pemenang Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan tahun ini, iaitu Nik Faizah Mustapha, Tawi Yaakub, Cheong Yong Kwong, Abd Ghani Wahab, dan Dr Seenivasagam Muthukumar Ponniah.

Menurut Musa, kerajaan juga bersetuju memperuntukkan RM45.56 juta untuk melaksanakan program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi mempertingkatkan kepakaran dan kualiti guru tanah air, tahun ini.

Setakat ini, katanya, kerajaan sudah membelanjakan hampir RM20 juta untuk menjalankan program itu sebagai komitmen meningkatkan martabat guru dengan memberi peluang memantapkan penguasaan ilmu serta kemahiran mereka dalam pelbagai bidang profesional.

Selain itu, katanya, kementerian juga memberi kelulusan kepada 549 guru untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah lanjutan menerusi program Skim Latihan, tahun ini.

Sementara itu Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Seri Dr Abdul Shukor Abdullah, dalam ucapannya pula berkata, sudah tiba masanya untuk semuapendidik kembali ke pangkal jalan, iaitu melaksanakan tugas guru bilik darjah seperti yang diharapkan oleh pelajar dan masyarakat.

"Arena perjuangan guru ialah berguru dalam bilik darjah. Bagaimana kita menjalankan tugas sebagai seorang guru yang tulen sebenarnya adalah asas penilaian masyarakat terhadap martabat guru," katanya.

(END)